

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN TEO NIE CHING**  
**[ KULAI ]**

**TARIKH : 7 APRIL 2015 (Selasa)**

**SOALAN**

**Puan Teo Nie Ching [ Kulai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah syarikat bas ekspres, jumlah aduan yang diterima oleh SPAD terhadap syarikat bas ekspres tersebut, mana satu syarikat yang paling kerap diadu, dan tindakan yang diambil terhadap mereka.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat 198 syarikat Bas Ekspress beroperasi di seluruh Semenanjung Malaysia.
2. Dari Januari 2013 sehingga Disember 2014, SPAD telah menerima 5,742 aduan mengenai bas ekspress atas pelbagai jenis kesalahan, termasuk tatakelakuan pemandu, bas di pandu melebihi had laju dan gagal mematuhi syarat-syarat permit.
3. Sekiranya siasatan mendapati pengendali-pengendali bas ekspress telah melakukan kesalahan, tindakan seperti kompaun, penggantungan atau pembatalan permit kenderaan dan lesen pengendali serta amaran akan dikenakan ke atas mereka yang terlibat.

Sekian, terima kasih.